

Teks Ucapan Sempena Perasmian Konvensyen Kontraktor Melayu 3.0 Dan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) Ke-43

By : YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB

Date : 18/10/2022

**TEKS UCAPAN
YAB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
PERDANA MENTERI**

SEMPENA

**PERASMIAN KONVENSYEN KONTRAKTOR MELAYU 3.0 DAN
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERSATUAN KONTRAKTOR
MELAYU MALAYSIA (PKMM) KE-43**

**18 OKTOBER 2022 | SELASA | 10.00 PAGI
DEWAN TUN DR ISMAIL, WTC, KUALA LUMPUR**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, kita dapat bersama-sama berkumpul pada majlis ini.

2. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) atas kesudian mengundang saya ke majlis ini seterusnya merasmikan Konvensyen Kontraktor Melayu 3.0 dan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-43.

3. Tahniah kerana setelah 43 tahun, PKMM tetap teguh bersama-sama Kerajaan untuk membangunkan negara ini.

4. Saya sentiasa mengikut perkembangan persatuan ini. Pertemuan sebegini dapat merapatkan hubungan silaturahim sesama kita dan dapat membantu memantapkan lagi PKMM sebagai sebuah badan yang mewakili ahli-ahli kontraktor Melayu.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

5. Statistik Kementerian Kerja Raya menunjukkan industri pembinaan dianggarkan mengalami kerugian lebih RM42 bilion sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di negara ini pada 18 Mac 2020.

6. Daripada jumlah itu, sebanyak RM18 bilion adalah anggaran kerugian dalam tempoh PKP 3.0 yang bermula pada 1 Jun hingga September 2021.

7. Kesan daripada pandemik COVID-19 dan pelaksanaan PKP, sektor pembinaan turut mengalami penurunan kadar pertumbuhan sebanyak 19.4

peratus pada 2020. Pada suku pertama tahun 2021, sektor pembinaan terus menurun pada kadar 10.4 peratus.

8. Alhamdulillah, angka itu meningkat pada kadar 40.3 peratus pada suku kedua 2021 dan terus meningkat sehingga kini.

9. Meskipun berdepan pelbagai kesukaran susulan pandemik COVID- 19, saya amat berterima kasih kepada PKMM yang sentiasa setia membantu Kerajaan dalam melaksanakan projek-projek infrastruktur terutamanya yang melibatkan kemudahan perumahan khusus kepada rakyat berpendapatan rendah.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

10. Kerajaan yang saya pimpin hari ini sentiasa mengutamakan pembangunan infrastruktur untuk dimanfaatkan oleh seluruh Keluarga Malaysia.

11. Pada 7 Oktober yang lalu, Kerajaan telah membentangkan Bajet 2023 di Dewan Rakyat yang akan menfokuskan kesejahteraan rakyat, kelangsungan perniagaan, kemakmuran ekonomi dan kecekapan perkhidmatan Kerajaan.

12. Ini terbukti dengan peruntukan perbelanjaan pembangunan (DE) sebanyak RM95 bilion, yang tertinggi dalam sejarah merangkumi sebanyak 7,615 projek pembangunan.

13. Pelbagai tuduhan dilemparkan kononnya DE yang besar ini akan menguntungkan pihak tertentu sahaja. Saya beri jaminan bahawa kontraktor tempatan yang berkelayakan akan mendapat peluang sebaiknya untuk membangunkan projek-projek pembangunan negara.

14. Selain itu, Bajet 2023 turut menyediakan pelbagai inisiatif untuk golongan kontraktor seperti peruntukan sebanyak RM500 juta khusus kepada kontraktor kelas G1 hingga G4, antaranya bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan bagi jalan persekutuan, titi dan jambatan kecil, rumah ibadat serta infrastruktur yang rosak akibat banjir.

15. Bagi menyokong kontraktor Bumiputera, Kerajaan juga akan menyediakan pembiayaan jangka pendek kepada kontraktor Bumiputera yang terlibat dalam bidang seperti elektrik dan pembinaan melalui Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres (SPIKE) dengan dana sebanyak RM20 juta.

16. Sebanyak RM50 juta nilai projek-projek kecil akan dikhususkan kepada kontraktor wanita kelas G1 hingga G4 menerusi inisiatif Kontraktornita bagi menyokong penyertaan lebih ramai kontraktor wanita Bumiputera dalam perolehan Kerajaan.

17. Namun kesemua ini akan hanya dinikmati sekiranya bajet 2023 ini dibentangkan kembali dan diluluskan selepas Pilihan Raya Umum Ke 15. Maknanya Kerajaan hari ini perlu dipilih kembali untuk menerajui negara.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

18. Kerajaan menyedari dalam suasana ekonomi yang begitu mencabar, tidak ramai kontraktor yang sanggup terlibat dalam projek- projek perumahan kos rendah yang kurang memberi pulangan, lebih-lebih lagi dalam keadaan harga barangan bahan binaan yang masih tidak menentu.

19. Berikutan keadaan ekonomi yang sudah memasuki fasa pemulihan, saya berharap PKMM akan mendapat manfaat termasuk pelaksanaan projek-projek infrastruktur baru atau yang disambung semula selepas pelbagai cabaran yang terpaksa kita hadapi sebelum ini.

20. Saya percaya peruntukan ini bukan sahaja menjadi pelaburan jangka masa panjang untuk menghidupkan kembali pembangunan fizikal dan ekonomi, tetapi juga akan merencanakan semula pelaksanaan projek khususnya bagi kontraktor kecil dan sederhana.

21. Namun begitu, saya berharap semua kontraktor yang terlibat dalam projek-projek Kerajaan dapat menunjukkan prestasi yang terbaik daripada segi kualiti, produktiviti dan profesionalisme serta menyiapkan projek mengikut waktu yang ditetapkan.

22. Saya percaya, kontraktor Bumiputera terus berusaha dan menitik beratkan sifat kreatif dan berdaya saing akan berupaya memperoleh manfaat serta mampu mengadaptasikan diri dengan norma baharu yang penuh cabaran.

Keluarga Malaysia yang saya kasihi,

23. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada PKMM di atas jemputan ini.

24. Saya mendoakan agar PKMM akan terus kukuh dalam mengharungi situasi ekonomi yang kian mencabar. Saya percaya di sebalik kesukaran yang dihadapi kontraktor, terdapat peluang-peluang yang boleh dimanfaatkan bagi memperkukuhkan syarikat serta industri pembinaan di masa akan datang.

25. Dengan kata-kata tersebut, dengan lafaz Bismillahirrohmanirrahim, saya sukacitanya merasmikan **Konvensyen Kontraktor Melayu Malaysia 3.0 dan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia Kali Yang Ke-43.**

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Copyright of the Prime Minister's Office Official Website

Source: <https://www.pmo.gov.my/2022/10/pkmm-ke-43/>